

**HUBUNGAN STATUS SOSIOEKONOMI (SES) IBUBAPA,  
SOKONGAN IBUBAPA TERHADAP PEMBELAJARAN  
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR  
TINGKATAN EMPAT (4) DI DAERAH KUDAT**

**MOHD SYAHARYZAN BIN MOHD SAAD**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2005**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@**

JUDUL : Hubungan status sosioekonomi (SES) ibubapa, sokongan ibubapa terhadap pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar tingkatan empat (4) di daerah Kudat.

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2002/2005

Saya, MOHD SYAHARYZAN BIN MOHD SAAD mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(MOHD SYAHARYZAN MOHD SAAD) (TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat tetap :

Sekolah Menengah Lok Yuk Kudat  
Peti surat 182  
89057 kudat  
Sabah

  
(Prof. Madya Dr. Salleh Abd Rashid)

Tarikh: 8/7/2005

Tarikh: 8/7/2005

**CATATAN: @Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)**

## **PENGAKUAN**

Karya ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**MOHD SYAHARYZAN BIN MOHD SAAD  
PS2002 – 006 (K) – 289  
7 DISEMBER 2004**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdullilah, syukur kepada Allah S.W.T kerna dengan limpah kurnia dan izin-Nya tesis ini dapat disiapkan mengikut ketetapan yang telah diberikan. Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak. Terima kasih kepada kedua ibubapa yang sentiasa memberikan dorongan untuk meneruskan perjuangan. Jutaan terima kasih kepada penyelia penyelidikan ini yakni Prof. Madya Dr. Salleh Abd Rashid dan Dr. Ambikavathi kerana telah memberikan tunjuk ajar yang begitu berharga dalam menghasilkan penyelidikan ini. Tidak lupa kepada rakan-rakan dan kepada semua yang terlibat dalam penyelidikan ini. Terima kasih.

## **ABSTRAK**

### **HUBUNGAN STATUS SOSIOEKONOMI (SES) IBUBAPA, SOKONGAN IBUBAPA TERHADAP PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR TINGKATAN EMPAT (4) DI DAERAH KUDAT**

Tesis ini ditulis bagi mengupas berkaitan dengan hubungan status sosioekonomi ibubapa, sokongan ibubapa terhadap pembelajaran dengan pencapaian pelajar tingkatan 4 di daerah Kudat. Bagi menjawab persoalan kajian dalam penyelidikan ini, seramai 240 sampel telah dipilih. Ibubapa pelajar dijadikan responden untuk menjawab soal selidik yang telah disediakan. Dalam tesis ini, pekerjaan ibubapa, tahap pendidikan ibubapa dan perbelanjaan bulanan bagi tujuan pendidikan akan mewakili status sosioekonomi ibubapa. Manakala sokongan ibubapa terdiri dari 6 unsur yang utama iaitu kelengkapan pembelajaran dirumah, kelas tambahan, pemberian ganjaran, perbelanjaan ke sekolah, harapan terhadap anak dan penglibatan ibubapa di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara status sosioekonomi ibubapa dengan pencapaian akademik, sokongan ibubapa terhadap pembelajaran dengan pencapaian dan status sosioekonomi ibubapa dengan sokongan ibubapa terhadap pembelajaran. Dapatan penyelidikan ini diharapkan dapat membantu dan memberi sumbangan dalam membangunkan pendidikan di daerah Kudat.

## **Singkatan**

- IPTA Institut Pengajian Tinggi Awam  
IPTS Institut Pengajian Tinggi Swasta  
SES Status sosioekonomi  
USA United States Of America (Amerika Syarikat)

## KANDUNGAN

Pengakuan  
Penghargaan  
Abstrak  
Singkatan  
Isi kandungan  
Senarai jadual  
Senarai rajah

### BAB 1 : PENGENALAN

1.1:	Pendahuluan	1
1.2:	Pengenalan	1
1.3:	Pernyataan masalah	12
	Persoalan kajian	15
1.4:	Objektif kajian	16
1.5:	Hipotesis kajian	17
1.6:	Kepentingan kajian	18
1.7:	Batasan kajian	20
1.8:	Definisi operasional	21
1.9:	Kesimpulan	24

### Bab 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1:	Pengenalan	25
2.2:	Literatur	25
2.2.1:	Tahap pendidikan ibubapa	43
2.2.2:	Harapan ibubapa terhadap anak	46
2.2.3:	Penglibatan ibubapa dalam pendidikan anak	50
2.3:	Kerangka kajian	55
2.4:	Kesimpulan	57

### Bab 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1:	Pengenalan	58
3.2:	Populasi dan sampel kajian	58
3.2.1:	Pencapaian pelajar	61
3.3:	Instrumen kajian	63
3.3.1:	Soal selidik	63
3.4:	Prosedur kajian	68
3.4.1:	Prosedur pengumpulan data	68
3.4.1.i	Meminta kebenaran	68

3.4.1.ii: Penyerahan dan pengumpulan soal selidik	71
3.5 Proses dan analisis data	72

#### **Bab 4 : DAPATAN KAJIAN**

4.1: Pengenalan	73
4.2: Dapatan	73
4.3: Hubungan antara status sosioekonomi ibubapa dengan pencapaian akademik pelajar.	76
4.4: Hubungan antara sokongan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar dengan pencapaian pelajar	82
4.5: Hubungan antara status sosioekonomi ibubapa dengan sokongan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar	85
4.6: Ringkasan keputusan kajian	93
4.7: Kesimpulan	93

#### **Bab 5 : RUMUSAN DAN PERBINCANGAN**

5.1: Pengenalan	94
5.2: Hubungan antara status sosioekonomi ibubapa dengan pencapaian akademik pelajar.	94
5.3: Hubungan antara sokongan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar dengan pencapaian pelajar	100
5.4: Hubungan antara status sosioekonomi ibubapa dengan sokongan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar	107
5.5: Kerangka teoritikal kajian	109
5.6: Rumusan	111
5.7: Cadangan kajian seterusnya	113

Rujukan

Lampiran

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Perbezaan antara SES tinggi dengan SES rendah bagi negeri Sabah	22
Jadual 1.2:	Pengukuran prestasi pencapaian akademik pelajar	23
Jadual 1.3:	Peringkat persekolahan	23
Jadual 2.1:	Perbandingan pelajar SES tinggi dengan rendah dalam pencapaian membaca	37
Jadual 2.2:	Kadar kecinciran pelajar SES rendah di Amerika Syarikat	40
Jadual 2.3:	Perbezaan gred pencapaian dalam pembacaan	49
Jadual 2.4:	Perbezaan tahap pendidikan ibubapa dengan pencapaian anak	52
Jadual 3.1:	Populasi kajian	58
Jadual 3.2:	Perbezaan antara SES tinggi dengan rendah bagi negeri Sabah	59
Jadual 3.3:	Kaedah pengasingan populasi	60
Jadual 3.4:	Jumlah sample bagi setiap sekolah	61
Jadual 3.5:	Klasifikasi pelajar berdasarkan pencapaian dalam PMR 2003	61
Jadual 3.6:	Bahagian dalam soal selidik	63
Jadual 3.7:	Penerangan skor dalam soal selidik	67
Jadual 3.8:	Pengasingan responden berdasarkan nombor siri	67
Jadual 3.9:	Tarikh pengagihan dan pengutipan soal selidik	71
Jadual 3.10:	Penjelasan berkaitan <i>Pearson r</i>	72
Jadual 4.1:	Dapatan berkenaan latar belakang keluarga	74
Jadual 4.2:	Min kumpulan bagi sokongan terhadap pembelajaran pelajar	75
Jadual 4.3:	Hubungan antara status SES dengan pencapaian pelajar	76
Jadual 4.4:	Perkaitan antara SES dengan pencapaian Bahasa Malaysia	78
Jadual 4.5:	Perkaitan antara SES dengan pencapaian Bahasa Inggeris	78

Jadual 4.6:	Perkaitan antara SES dengan pencapaian Matematik	79
Jadual 4.7:	Perkaitan antara SES dengan pencapaian Sejarah	79
Jadual 4.8:	Perkaitan antara SES dengan pencapaian Sains	80
Jadual 4.9:	Perkaitan antara SES dengan pencapaian pelajar	81
Jadual 4.10:	Hubungan antara sokongan ibubapa terhadap pembelajaran dengan pencapaian pelajar	82
Jadual 4.11:	Hubungan antara sokongan ibubapa terhadap pembelajaran dengan pencapaian pelajar	83
Jadual 4.12:	Hubungan antara pekerjaan bapa dengan sokongan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar	85
Jadual 4.13:	Hubungan antara pekerjaan ibu dengan sokongan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar	86
Jadual 4.14:	Hubungan antara tahap pendidikan bapa dengan sokongan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar	87
Jadual 4.15:	Hubungan antara tahap pendidikan ibu dengan sokongan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar	88
Jadual 4.16:	Hubungan antara perbelanjaan bulanan dengan sokongan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar	90
Jadual 4.17:	Hubungan unsur SES ibubapa dengan sokongan keseluruhan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar	91
Jadual 4.18:	Hubungan SES ibubapa dengan sokongan keseluruhan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar	92
Jadual 4.19:	Keputusan berkenaan hipotesis kajian	93

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 2.1:	Unsur-unsur dalam SES ibubapa	27
Rajah 2.2:	Kerangka kajian	56
Rajah 3.1:	Proses pengasingan ibubapa berdasarkan SES	59
Rajah 3.2:	Kaedah pemilihan sample kajian	62
Rajah 3.3:	Prosedur kajian	68
Rajah 3.4:	Prosedur kajian	70
Rajah 3.5:	Penyerahan dan pengutipan soal selidik	71
Rajah 5.1:	Keputusan kajian	110
Rajah 5.2:	Hubungan antara SES ibubapa, sokongan ibubapa terhadap pembelajaran pelajar dengan pencapaian pelajar	111



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1. Pendahuluan

Bahagian pertama ini menerangkan tentang beberapa perkara penting dalam sesebuah penyelidikan. Antara perkara yang dibincangkan dalam bab ini adalah seperti pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan defenisi operasional.

### 1.2. Pengenalan

Malaysia sebuah negara yang berwawasan berkehendakkan rakyatnya yang maju, cemerlang dan produktif. Unsur-unsur ini amat penting bagi memastikan wawasan yang diimpikan menjadi kenyataan. Oleh yang demikian, bagi membentuk masyarakat tersebut, ia perlulah bermula dari awal khasnya bermula dari bangku persekolahan lagi. Di alam persekolahanlah usaha membentuk kecemerlangan pelajar dari segala aspek dimulakan. Kecemerlangan akademik seseorang pelajar tidak hanya bergantung sepenuhnya kepada diri pelajar itu sendiri tetapi ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor persekitaran yang saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Faktor-faktor yang berkaitan ini tentunya akan dapat mewujudkan kecemerlangan akademik seseorang pelajar tersebut. Antara faktor penyumbang dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar adalah status sosioekonomi ibubapa dan sokongan-sokongan mereka terhadap pembelajaran anak-anak.

Pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) melalui strategi Serampang Dua Mata khasnya menyusun semula masyarakat dan membasmikan kemiskinan sedikit sebanyak merubah senario ekonomi di Malaysia. Kadar kemiskinan di Semenanjung telah berkurang daripada 49.3(%) pada tahun 1970 kepada 15(%) menjelang akhir tahun 1990. Pencapaian yang memberangsangkan ini dapat di lihat dari segi peningkatan terhadap pendapatan bulanan purata isi rumah Semenanjung Malaysia yang telah meningkat dari \$264 (1970) kepada \$1,163(1990). Manakala, bagi tempoh 1976-90, pendapatan bulanan purata isi rumah negeri Sabah meningkat dari \$513 kepada \$1,148. Bagi Sarawak, ia telah meningkat dari \$427 kepada \$1,208. (<http://www.smpke.jpm.my/RancanganWeb/Rancangan.nsf/0/fd109c660d27f8464825674b0034ace3?OpenDocument> , 2003).

Walaupun jelas berlaku peningkatan dalam pendapatan isi rumah, namun usaha untuk meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar dari semua kaum menghadapi pelbagai rintangan. Antara rintangannya adalah berpunca daripada faktor ekonomi khasnya pengaruh sosioekonomi sesebuah keluarga. Umpamanya, kekurangan jumlah pelajar Melayu dan India di institusi-institusi pendidikan swasta adalah berpunca daripada ketidakmampuan untuk membiayai perbelanjaan khasnya yuran pengajian dan kos hidup yang tinggi di bandar besar seperti Kuala Lumpur. Shahril @Chairil, (1995) menyatakan kos bagi yuran untuk kursus-kursus kejuruteraan adalah sebanyak RM10500 (IPTA/IPTS) dalam negara, luar negara RM25 ribu (Amerika Syarikat) dan RM35 ribu di Britain. Kursus akauntan dalam negara (RM 9000) berbanding luar negara yang boleh menjangkau sehingga RM 25 hingga 35 ribu. Hanya segelintir pelajar yang

kurang berkemampuan berasib baik dapat melanjutkan pelajaran keluar negara disebabkan adanya bantuan atau tajaan dari pihak kerajaan atau swasta (Shahril @Chairil, 1995). Pelajar Melayu dapat dilihat begitu ramai di IPTA adalah kerana adanya sistem kuota kemasukan pelajar ke IPTA tersebut. Kabinet telah meluluskan kuota 55% untuk pelajar Bumiputera dan 45 % bagi Cina dan India bagi kemasukan universiti awam di Malaysia yang bertujuan untuk menjaga kepentingan dan hak keistimewaan kaum Melayu itu sendiri. Dari sudut yang lain, perlaksanaan sistem kuota ini akan menjadikan persaingan yang sihat dalam pendidikan.

Kecemerlangan akademik pelajar di Malaysia bersifat tidak seimbang. Ini dapat dibuktikan dengan jumlah kemasukan pelajar mengikut nisbah bilangan kaum di pusat-pusat pengajian tinggi awam ataupun swasta. Adalah didapati lebih daripada 90% pelajar di pusat pengajian tinggi swasta terdiri daripada pelajar bukan Melayu (Shahril @Chairil, 1995). Keadaan ini ada kaitan dengan tahap sosioekonomi di kalangan pelbagai kaum di Malaysia. Jurang pendapatan dan kedudukan ekonomi yang berbeza merupakan kesan jangka panjang “Dasar Pecah dan Perintah” yang diamalkan oleh penjajah British. Dasar ini menyebabkan 2 kaum utama di Tanah Melayu (Melayu dan India) ketinggalan dari pelbagai segi. Dasar ini bukan saja melibatkan fungsi ekonomi tetapi juga melibatkan pengasingan sistem pendidikan. Kewujudan dan pemberian pendidikan bagi kaum-kaum di Tanah Melayu melalui sekolah-sekolah *venakular* bukanlah ikhlas tetapi sekadar bertujuan untuk mengekalkan status asal kaum masing-masing. Kaum Melayu berjawatan rendah dan menjadi petani, Kaum India menjadi penoreh getah dan Kaum Cina mendiami kawasan bandar dan

menceburi bidang perniagaan dan mengecapi kekayaan dan menguntungkan (Jomo dan Ishak, 1986).

Bagi pelajar-pelajar yang cemerlang akademiknya, mereka berpeluang mendapatkan tajaan daripada pihak kerajaan ataupun pihak swasta. Pemberian biasiswa merupakan satu kaedah yang penting dalam membantu pelajar yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Everard dan Morris, (1996) menyatakan bahawa pemberian insentif dalam bentuk wang adalah efektif terhadap pelajar yang kurang berkemampuan. Pemberian biasiswa dikalangan pelajar yang kurang kemampuan tetapi punya kecemerlangan dalam akademik dan bukan akademik merupakan penggalak ke arah usaha menggalakkan pelajar bersaing untuk mendapatkan tajaan pendidikan. Kesan dari penyediaan kemudahan biasiswa kepada pelajar yang kurang berkemampuan tetapi cemerlang akademiknya telah membuka ruang yang lebih luas kepada golongan berpendapatan rendah untuk menikmati peluang pendidikan yang lebih baik. Pemberian bantuan kewangan dan tajaan biasiswa ini telah melengkapkan dan memperluaskan lagi konsep pendemokrasian pendidikan di Malaysia.

Tahap pencapaian akademik bagi setiap pelajar mengikut kaum di Malaysia juga berbeza. Pencapaian akademik bagi pelajar-pelajar Cina adalah lebih baik berbanding dengan pelajar-pelajar dari kaum Melayu dan India. Menurut Awang, (2002) daripada 150 ribu pelajar di IPTA, 45% pelajarnya terdiri daripada pelajar bukan Melayu. Ini bermakna jumlah pelajar bukan Bumiputera di pusat pengajian tinggi adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar Bumiputera. Robiah, (2001) juga berpendapat sedemikian. Beliau

menyatakan pola pencapaian akademik dikalangan pelajar Melayu adalah lebih rendah berbanding dengan pelajar bukan Melayu. Begitu juga dengan pola pencapaian akademik antara penduduk bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan pencapaian pelajar dari luar Bandar. Robiah, (2001) juga mendapati pelajar Melayu hanya mengatasi pelajar bukan Melayu dalam peperiksaan di peringkat rendah sahaja dan selepas itu pelajar Melayu jauh ketinggalan. Keadaan ini jelas menggambarkan betapa tahap pencapaian akademik ini berbeza.

Kecemerlangan akademik pelajar Cina ini telah menyebabkan ramai ibubapa pelajar Melayu khasnya mereka yang berpendidikan tinggi menghantar anak mereka untuk mendapatkan pendidikan di sekolah-sekolah Cina. Awang, (2002) menyatakan terdapat 60 ribu pelajar Melayu yang belajar di sekolah-sekolah Cina di seluruh negara. Keadaan ini adalah disebabkan oleh sistem pendidikan sekolah Cina lebih teratur dan guru-guru mereka lebih inovatif dalam pengajaran mereka. Persoalan yang perlu difikirkan oleh semua lapisan pendidik dan ahli masyarakat di sini ialah apakah sistem pendidikan khasnya di sekolah-sekolah kerajaan tidak mampu menghasilkan pelajar yang terbaik ? Awang, (2002) menyatakan prestasi pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Bumiputera dengan Bukan Bumiputera dalam mata pelajaran Sains dan Matematik untuk tahun 1999 dan 2000 adalah jauh ketinggalan. Para pelajar Bumiputera di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) adalah lebih buruk berbanding dengan pelajar bukan bumiputera.

Perubahan struktur atau sukatan pendidikan di Malaysia pada tahun 2002 khasnya penekanan terhadap mata pelajaran Sains dan Teknologi sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap pencapaian pelajar. Keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengubah penekanan dari aliran Kemanusiaan kepada aliran Sains melalui nisbah 60 (Sains) : 40 (Kemanusiaan) memberikan kesan kepada pola pencapaian pelajar. Berdasarkan pendekatan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris pada tahun 2003 yang telah menimbulkan kerisauan semua pihak. Kerisauan ini adalah berdasarkan tahap pencapaian Bahasa Inggeris yang masih lemah dikalangan pelajar khasnya pelajar luar bandar. Berdasarkan keputusan peperiksaan SPM tahun 1999 didapati peratus kelulusan Bahasa Inggeris hanya 61.7% iaitu 31% daripadanya hanya mendapat lulus biasa iaitu gred D7 dan E8 (<http://www.moe.gov.my/statistik/frinstat.htm>, 2000). Ahi Sarok, (2000) dalam kajiannya terhadap kaum Dayak di Sarawak mendapati pencapaian akademik anak-anak kaum Dayak ini khasnya dalam mata pelajaran Sains, Bahasa Inggeris dan Matematik adalah dibawah pencapaian diperingkat negeri dan kebangsaan. Begitu juga dengan mata pelajaran yang lain.

Keadaan ini bukan saja akan menjelaskan prestasi pelajaran Bahasa Inggeris tetapi memberikan kesan terhadap mata pelajaran Sains dan Matematik (Awang, 2002). Dapatan ini juga dikukuhkan lagi oleh Hatcher, (2000) terhadap 5000 orang pelajar mendapati mata pelajaran English, Matematik dan Sains mempunyai tahap kesukaran untuk dipelajari dan prestasi akademiknya juga dipengaruhi oleh kelas sosial. Berdasarkan kenyataan tersebut, situasi

sedemikian telah jelas wujud di Malaysia kesan dari pengaruh kelas sosial tersebut.

Masalah kelemahan penguasaan terhadap Bahasa Melayu juga akan memberikan kesan terhadap pencapaian pelajar. Ini adalah kerana Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib untuk lulus. Jika berlaku kegagalan terhadap mata pelajaran ini, ia akan secara langsung menyebabkan seseorang pelajar tersebut gagal peperiksaan tersebut khasnya dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi peperiksaan SPM 1999 adalah didapati hanya 88.6% pelajar lulus Bahasa Malaysia. Masalah sedemikian akan menjelaskan prestasi pencapaian akademik seseorang pelajar. Awang, (1990) menyatakan kegagalan 5 ribu pelajar Melayu mendapatkan SPM pangkat pertama, semata-mata gagal mendapat taraf kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia telah mendapat perhatian pelbagai pihak dan gesaan telah dilakukan kepada perancang pendidikan untuk mengambil tindakan susulan. Situasi ini menunjukkan betapa kritikalnya peranan Bahasa Malaysia dalam sistem pendidikan negara.

Kepentingan Bahasa Malaysia ini telah jelas termaktub dalam Perlembagaan dan dihuraikan dengan terperinci lagi dalam Laporan Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1961) dan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1974) yang menekankan keperluan Bahasa Malaysia yang bukan saja bertujuan untuk perpaduan bahkan demi mendaulatkan bahasa kebangsaan. Lim , (1988) dalam kajiannya terhadap pelajar yang berasal dari kampung-kampung Baru yang terdiri daripada pelajar Cina mendapati masalah kelemahan menguasai Bahasa

Malaysia dan masalah kemiskinan penduduk kampung Baru telah menyebabkan sebilangan besar pelajar tercicir diperingkat sekolah menengah rendah.

Masalah keciciran ini juga memberi kesan terhadap pembelajaran anak – anak. Mereka akan sentiasa ketinggalan dalam pembelajaran. Woolfolk, (1993) dalam kajiannya mendapati pelajar yang menghadapi masalah ketidakhadiran sekurang– kurangnya ketinggalan setahun pelajaran berbanding dengan rakan seusia mereka. Fenomena ini tidak dapat dinafikan. Reid, (2002) menjelaskan ketidakhadiran ini akhirnya akan menjaskan pencapaian akademik dikalangan pelajar kerana mereka ketinggalan banyak topik pembelajaran.

Kenapa situasi sedemikian berlaku?. Masalah keciciran ini juga berkait rapat dengan status sosioekonomi ibubapa. Kemiskinan menyebabkan ibubapa tidak mengambil berat persekolahan dan pendidikan anak mereka. Kemiskinan menyebabkan pelajar-pelajar ini ponteng sekolah kerana di selubungi faktor kekurangan khasnya dari segi kewangan. Reid, (1999) mengakui antara punca ketidakhadiran ke sekolah di kalangan pelajar miskin adalah disebabkan oleh pendapatan ibubapa mereka yang rendah. Anak-anak ponteng sekolah untuk mencari pekerjaan atau di sebabkan rasa malu (Reid, 1999). Parker dan Jarolimek, (1997) menambah *poverty generates feeling of destitution, helplessness and despair.*

Masalah ini bersifat universal dan Malaysia juga tidak terkecuali. Halangan dari kekurangan pendapatan menyebabkan banyak anak-anak tercicir dari mendapat atau menerima pendidikan yang sewajarnya. Keciciran ini seterusnya akan menyebabkan anak-anak tersebut ketinggalan dalam pembelajaran. Situasi inilah yang menjadi menyumbang berlakunya perbezaan

pencapaian akademik antara pelajar di sekolah. Ormrod, (1998) mengakui pelajar SES tinggi mampu mencapai prestasi yang baik sebaliknya pelajar SES rendah punya risiko tercicir dalam pelajaran dan persekolahan.

Keadaan ini bukan hanya di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah, tetapi ia akan berterusan sehingga peringkat pengajian tinggi. Keciciran ini akhirnya akan menjelaskan peluang untuk mendapat pendidikan tinggi dikalangan pelajar kerana prestasi akademik mereka yang kurang baik. Walaupun ada yang berasib baik, tetapi kekurangan pendapatan masih lagi menjadi halangan kepada pelajar SES rendah ini untuk menikmati pendidikan peringkat pengajian tinggi. Sadovnik, Cookson dan Semel, (1994) menjelaskan *the higher an individual's social class, the more likely he or she to enroll in college and to receive a degree.*

Pencapaian akademik yang rendah bukan saja memberikan kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi ia juga akan menjelaskan mutu disiplin di sekolah. Pelajar yang rendah pencapaian akademiknya, sering melakukan kesalahan disiplin seperti menganggu proses pengajaran dan pembelajaran serta sering ponteng sekolah dan kelas. Keadaan ini bukan saja menjelaskan pencapaian akademik pelajar tersebut tetapi juga memberikan kesan kepada pelajar lain. Muller, (1993) mendapati para pelajar yang sering melakukan kelakuan devian kebanyakannya terdiri daripada pelajar yang mempunyai prestasi akademik rendah. Kemerosotan disiplin dan pencapaian akademik juga berkait rapat dengan tahap sosioekonomi keluarga. Tamrin, (2001) menyatakan pendapatan yang kurang bererti kurangnya ilmu pendidikan. Disebabkan kemiskinan mereka hanya mampu memberikan

keperluan asas kepada anak mereka dan kesannya anak-anak ini melakukan pelbagai perlakuan devian akibat kekurangan yang wujud dalam diri mereka.

Perbezaan pencapaian akademik ini juga mendatangkan kesan terhadap guna tenaga di masa depan. Ibrahim, (2001) menyatakan terdapat perbezaan yang jelas dalam peratusan Bumiputera dan Bukan Bumiputera dalam kumpulan profesional iaitu pada 1990, jumlah arkitek Bumiputera hanya 23.6% berbanding dengan bukan Bumiputera 76.4%, doktor Bumiputera hanya 27.8% berbanding dengan bukan Bumiputera 72.2%, akauntan Bumiputera hanya 11.2% berbanding dengan bukan Bumiputera 88.8% dan peguam Bumiputera hanya 22.4% berbanding dengan bukan Bumiputera 77.6%. Jika keadaan ini berterusan, maka usaha untuk membangunkan Malaysia pasti tidak akan seimbang. Ketidakseimbangan ekonomi antara kaum tetap berkekalan berpunca daripada ketidakseimbangan dalam pendidikan.

Masalah-masalah yang telah disebutkan tadi juga berkait rapat dengan sokongan ibubapa terhadap pembelajaran anak mereka. Kekurangan memberi ganjaran umpamanya boleh menyebabkan anak-anak kurang bersemangat untuk berusaha dengan lebih gigih. Kekurangan penglibatan ibubapa pula akan menyebabkan perkembangan anak-anak di sekolah tidak di ketahui oleh mereka. Ini sedikit sebanyak menjadi faktor penyumbang terhadap berlakunya masalah disiplin di kalangan anak-anak di sekolah seperti ponteng kelas atau sekolah. Jika penglibatan ibubapa aktif di sekolah, nescaya masalah disiplin dikalangan anak-anak dapat ditangani.

Pemberian belanja yang mencukupi sesungguhnya akan dapat mengurangkan masalah yang menganggu proses pembelajaran anak-anak di dalam bilik darjah. Brown, (1991) mendapati kebanyakkan pelajar yang datang dari keluarga berpendapatan rendah sering menghadapi masalah pembelajaran di dalam bilik darjah. Salah satu punca masalah ini ialah berkaitan dengan kekurangan nutrien dalam badan akibat kekurangan/ketiadaan makanan yang mencukupi dan kekurangan wang untuk membeli makanan. Begitu juga dengan penyediaan kemudahan pembelajaran yang mencukupi dan pemberian kelas tambahan kepada anak-anak akan mampu meningkatkan lagi pemahaman anak-anak terhadap pembelajaran mereka.

Harapan ibubapa terhadap anak-anak mereka juga dapat membantu dalam meningkatkan lagi usaha ibubapa dan anak-anak untuk mencapai kecemerlangan dalam aspek pendidikan. Jika ibubapa tidak meletakkan harapan sebagai sasaran terhadap anak-anak, ia tentunya akan merugikan anak-anak tersebut. Ini kerana mereka tidak mempunyai sasaran yang perlu dicapai dan tujuan mereka untuk mengikuti pendidikan tidak jelas.

## 1.2. Pernyataan Masalah

Pencapaian akademik pelajar sememangnya berbeza antara satu dengan yang lain. Pelajar bandar selalunya mengatasi pelajar dari luar bandar, pelajar miskin selalunya ketinggalan dalam akademik berbanding dengan pelajar dari golongan berpendapatan tinggi dan perbezaan jumlah pelajar berdasarkan kaum di universiti juga menunjukkan dengan jelas betapa pencapaian akademik di kalangan pelajar amat berbeza. Kaum Bumiputera selalu ketinggalan dalam bidang akademik, Kenapa perkara sebegini berlaku ? Robiah, (2001) mengakui permasalahan ini dengan menyatakan pola pencapaian akademik dikalangan pelajar Melayu adalah lebih rendah berbanding dengan pelajar bukan Melayu. Begitu juga dengan pola pencapaian akademik antara penduduk bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan pencapaian pelajar dari luar Bandar. Robiah, (2001) juga mendapati pelajar Melayu hanya mengatasi pelajar bukan Melayu dalam peperiksaan di peringkat rendah sahaja dan selepas itu pelajar Melayu jauh ketinggalan.

Ibubapa dikatakan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak. Banyak peranan yang dimainkan oleh ibubapa dalam mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak. Salah satu faktor ialah status sosioekonomi ibubapa tersebut. Bagaimana status sosioekonomi ibubapa ini mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak ? Apakah kriteria-kriteria status sosioekonomi ibubapa yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak ini ? Adakah status sosioekonomi ibubapa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar ? Adakah keadaan ini yang akan menyebabkan tahap pencapaian pelajar berbeza ? Kenapa

perkara sedemikian berlaku ? Apakah punca yang menyebabkan pelajar Bumiputera ini sentiasa ketinggalan dalam bidang pendidikan ? Adakah kerana mereka ini tinggal di kawasan kampung atau adakah pelajar Bumiputera ini miskin ? Apakah kemiskinan boleh menjelaskan pencapaian akademik seseorang pelajar ? Bolehkah kita menerima kenyataan yang di buat oleh Tamrin, (2001) yang menyatakan bahawa pendapatan yang kurang bererti kurangnya ilmu pendidikan ?

Kebanyakkan pelajar yang kurang berkemampuan jarang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ada dikalangan mereka yang tercicir setakat di sekolah rendah lagi. Keadaan sedemikian berpunca dari ketidakmampuan ibubapa mereka menyediakan kemudahan pelajaran khasnya yang melibatkan soal kewangan. Adapun pelajar kurang berkemampuan ini berjaya melanjutkan pelajaran disebabkan adanya tajaan kewangan daripada pihak tertentu.

Taraf pendidikan ibubapa juga di lihat sebagai faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak. Tetapi apakah kenyataan ini benar ? Bagaimana kita hendak mengetahui yang ibubapa berpendidikan tinggi membantu menghasilkan pelajar yang cemerlang ataupun sebaliknya ? Bagaimana hendak kita buktikan persoalan sedemikian. Kenapa kebanyakkan ibubapa berpendapatan rendah jarang menghasilkan pelajar yang berprestasi akademik tinggi ? Apakah yang menjelaskan golongan ibubapa dari SES rendah ini daripada membentuk anak yang mempunyai prestasi akademik yang tinggi.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

- Abd Rahim Abd Rashid. 1996. *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur :DBP .
- Abd Rahim Abd Rashid. 2000. *Wawasan Dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur :Utusan Publications And Distributors .
- Abu Hilal, M. 2002. Correlates of achievement in the United Arab Emirates : A Socio-cultural study. Mc Inerney, D. M and Van Effen, S. (ed.). *Research on socio-cultural influences on Motivation and learning*. USA:Information Age publishing.
- Amir Hasan Dawi. 2002. *Penteorian Sosiologi Dan Pendidikan (edisi 2)*. Perak :Quantum Book .
- Ary, D., Jacobs, L.C. and Razavieh, A. 1996. *Introduction to research in education (5<sup>th</sup> edition)*. Florida: Holt,Rinehart and Winston,Inc.
- Awang Mohd Amin. 1990. *Satu Kajian Khusus Penguasaan Bahasa Malaysia Peringkat Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: DBP.
- Bala Bawa. 2000. The Contributions Of Parents To School Effectiveness : Newham's City Challenge Action For Achievement Project. Wolfendale, S and Bastiani, J . (ed.) dalam *The Contribution Of Parents To School Effectiveness* . London : David Fulton Publishers .
- Banks, O. 1987. *Sosiologi Pendidikan*. Terjemahan Robiah Sidin dan Zaiton Sidin. Kuala Lumpur :DBP .
- Barker, R. and Franklin, G. 2000. ICT as a catalyst :parental involvement in the national literacy association Docklands learning Acceleration project . Wolfendale, S. and Bastiani,J. (ed.) *The contribution of parents to schools effectiveness* . London: David Fulton publishers .
- Bauer, A.M. dan Shea, T.M. 2003. *Parents and schools :Creating a successful partnership for students with special needs* . New Jersey : Pearson education
- Brown, S.G. 1991. *Education In The Developing World :Conflict And Crisis* .USA :Longman Publishing .
- Chall, J.S. 2000. *The academic achievement challenge:what really work in the classroom* . New York:The Guilford Press.
- Charlton, T. and David, K. 1997. *Managing Misbehaviour In Schools , 2<sup>nd</sup> Edition*, New York : Routledge.
- Coleman , J.S. 2001. Social capital in the creation of human capital . Halsey, A.H. , Lauder, H. Brown, P. and Wells, A.S. (ed.). *Education , Culture, Economy and*

Society. Halsey, A.H. , Lauder, H. Brown, P. and Wells, A.S. (ed.).New York: Oxford University Press.

Elizabeth, M.G. and Dennis, M.J. (2002) Social representations of school failure in Brazilian public school : A framework for understanding and change. Mc Inerney, D.M. and Van Effen, S. (ed.). *Research on socio-cultural influences on Motivation and learning*.USA:Information Age publishing .

Elliot, S.N. Kratochwill, T.R. Cook, J. and Travers, J. K. 2000. *Educational Psychology :Effective teaching , effective learning* .3<sup>rd</sup> edition . USA : Mc Graw-Hill.

Everard, K.B. and Morris, G. 1996. *Effective School Management*. London:Paul Chapman Publishing

Ford, J. 2001. *Social Class And The Comprehensive School*.London : Routledge .

Fuller, M. L dan Olsen. G. 1998. *Home school relations :working successfully with parents and families* . USA : Allyn and Bacon

Gartrell, D. 1994. *A Guidance Approach To Discipline*, New York: delmar Publishers

Gestwicki, C. 2000. *Home ,School and community relations*. ( 4 ed.) . USA : Delmar publishing .

Gould, W.T. 1993. *People And Education In The Third World* .USA : Longman .

Hatcher, R. 2000. Social Class And School : Relationships To Knowledge . Cole, M. (ed.). *Education ,Equality And Human Right : Issues Of Gender , Race , Sexuality , Special Needs And Social Class* . USA: RoutledgeFalmer .

Herold, E.M. 2003. *Issues in latino education:Race,school and the politics of academic success*. USA: Pearson education.

Ibrahim Abu Shah. 1995. *Kesedaran Dan Persepsi Pelajar Luar Bandar Terhadap Pembangunan Sumber Manusia Di Sarawak* . Penterjemah Mohd Anini Mohd Isa . Kuala Lumpur : DBP .

Jomo, K.S. dan Ishak. 1988. Daya Pengeluaran , Harga Dan Kemiskinan .. Chamhuri Siwar dan Mohd Hafiah Piei (Ed.). *Isu, Konsep Dan Dimensi Kemiskinan : Kumpulan Rencana Tentang Kemiskinan* . Kuala Lumpur :DBP.

Kerbow, D. and Bernhardt, A. 1993. Parental Intervention In The School : The Context Of Minority Involvement . Schneider, B and Coleman, J.S (ed.). *Parents , Their Child And Schools* . USA: Westview Press .

Krause, K. L and O'Brien, D. 2002. Adolescent second language writers in China : A Socio-cultural analysis . Mc Inerney, D.M and Van Effen, S (ed.). *Research on*

*socio-cultural influences on Motivation and learning.* USA : Information Age publishing .

Lareau, A. 1987. Social class differences in family school relationship : The importance of cultural capital . Halsey, A.H. Lauder, H. Brown, P. and Wells, A.S. (ed.) . *Education , Culture , Economy and Society* . New York: Oxford University Press.

Levine., D. U. dan Havighurst, R. J. 1992. *Society and Education (8<sup>th</sup> ed)*. Massachusetts.: Allyn and Bacon.

Lim Hin Fui. 1988. Kemiskinan Di Kalangan Penduduk Kampung Baru. Chamhuri Siwar dan Mohd Haflah Piei (ed.) *Isu, Konsep Dan Dimensi Kemiskinan : Kumpulan Rencana Tentang Kemiskinan* . Kuala Lumpur :DBP .

Lunenburg , F.C. 1995. *The principalship :concepts and applications* .USA: Prantice Hall .

Manokaran Mottain. 1988. Kekurangan Buruh, Kemiskinan dan Status Sosioekonomi Buruh estet Di Malaysia. Chamhuri Siwar dan Mohd Haflah Piei (ed.) *Isu, Konsep Dan Dimensi Kemiskinan : Kumpulan Rencana Tentang Kemiskinan* . Kuala Lumpur :DBP .

Mohd Salleh Lebar. 1998. *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah Dan Pendidikan* . Selangor : Thinkers Library Sdn Bhd .

Muller, C. 1993. Parent Involvement And Academic Achievement : An Analysis Of Family Resources Available To The Child . Schneider, B dan Coleman, J.S (ed.).*Parents , Their Child And Schools* .USA: Westview Press .

Muller , C. and Kerbow, D. 1993. Parent Involvement In House , School And Community Schneider, B and Coleman, J.S (ed.). *Parents , Their Child And Schools* . .USA:Westview Press .

Nock, S. L. 1992. Defining *the Family*. *Sociology of the Family (2<sup>nd</sup> ed)*. New Jersey:Prentice Hall.

Ormrod, J.E. 1998. *Educational Psychology : Developing learners*.2<sup>nd</sup> edition .USA: Prentice Hall.

Painter, J. 1988. Guatemala : *False Hope , False Freedom* . London : Latin American Bureau .

Parker, C.W. dan Jarolimek, J. 1997. *Social studies in elementary education*.10<sup>th</sup> edition . USA: Prentice Hall .

Quina, J. 1989. *Effective Secondary Teaching : Going Beyond The Bell Curve*. USA: Harper And Row Publishers.

Ramsden, P. 1992. *Learning To Teach In Higher Education* . London : Routlegge .

- Reid, K. 1999. *Truancy and schools*. London: Routledge Falmer.
- Reid, K. 2002. *Truancy :short and long term solutions*. London: Routledge Falmer .
- Robiah Kulop Hamzah. 1992 *Guru Khas Pemulihan : Fungsi Dan Masalah ~Satu Kajian*. Kuala Lumpur :DBP.
- Rueda , R. MacGillirray, L. Monzo, L. and Arzubiaga, A. 2002. *Engaged reading : A multi level approach to considering socio-cultural factors with diverse learners* . Mc Inerney, D.M and Van Effen, S (ed.). *Research on socio-cultural influences on Motivation and learning*. USA :Information Age publishing .
- Saedah Siraj, Zainun Ishak, dan Tunku Mohani Tunku Mokthar. 1996. *Motivasi Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Sch Ahn Lee. 1993. *Family Structure Effects On Student Outcomes* Schneider, B and Coleman, J.S. (ed.). *Parents , Their Child And Schools* .USA: Westview Press .
- Scheidecker, D. dan Freeman, W. 1999. *Bringing out the best in students :How legendary teachers motivate kids* . California: Corwin Press .
- Shairil Marzuki. 1995. *Pendidikan di Malaysia: Penggajian dan Pendidikan*. KL:Utusan Publications & Distributions.
- Slavin., R. E. 2000. *Educational Psychology: Theory and Practice (6<sup>th</sup> ed)*. USA: Allyn and Bacon.
- Salvin, R.E. 2003. *Educational Psychology: Theory and practice* . 7<sup>th</sup> edition . USA: Allyn and Bacon.
- Sparks,S. 2002. *Native American Influence on curriculum and instruction*. Mc Inerney, D.M and Van Effen, S (ed.). *Research on socio-cultural influences on Motivation and learning*. USA:Information Age publishing .
- Sternberg., R.J. dan Williams, W.M. 2002. *Educational Psychology*. Boston: Allyn and Bacon.
- Stipek, D. 2002. *Motivation to learn :Integrating theory and practice* . 4<sup>th</sup> edition . USA: Allyn and Bacon.
- Strouse, J.H. 1997. *Exploring Themes Of Social Justice In education : Reading In Social Foundations* .New Jersey : Prentice-Hall .
- Thompson, G.L. 2003. *What African American parents want educators to know* . USA: Praeger Publishers.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tom, H. 2000. *Class And Class Analysis For The Twenty-First Century*. Cole, M (ed.). *Education ,Equality And Human Right : Issues Of Gander , Race , Sexuality , Special Needs And Social Class*.USA: Routledge Falmer .

Wan Ibrahim Wan Daud. 1988. *Kemiskinan di Kalangan Petani Padi Di Semenanjung Malaysia*. Chamhuri Siwar dan Mohd Hafiah Piei (ed.).*Dasar Dan Strategi Pembasmian Kemiskinan : Kumpulan Rencana Tentang Kemiskinan* . Kuala Lumpur :DBP .

Winzer, M. and Grigg, N. 1992. *Educational Psychology in the Canada classroom*. Canada: Prentice Hall.

Woolfolk, A.E. 1993. *Reading and cases in educational psychology*. USA: Allyn and Bacon .

Woolfolk, A. E. 1995. *Educational Psychology (6<sup>th</sup> ed)*. USA :Allyn and Bacon.

Yong Yin Ching. 1990. *Factor Influencing The Academic Achievement Of Students In Malaysian Schools* . Kuala Lumpur : Universiti Malaya .